



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA BAHAN MENTAH NAIK 30 PERATUS, NASIONAL, BH -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	ATASI SEGERA ISU KEKURANGAN BEKALAN, NASIONAL, BH -8	LAIN-LAIN
3.	'TERPAKSA HADKAN PEMBELIAN TELUR AYAM', NASIONAL, BH -8	
4.	ANTARA TELUR, AYAM DAN BABI, NASIONAL, HAKAKAH -28	
5.	PERTANIAN SATU PERNIAGAAN, NASIONAL, HAKAKAH -H20	
6.	TANAM PADI EMPAT KALI SETAHUN BUKAN GILA, FORUM, UM -18	
7.	SELANGOR IMPORT TELUR AYAM THAILAND, NEGARA, KOSMO -16	
8.	'BANGGA DAPAT TANAM LEBIH 50 JENIS ANGGUR', NEGARA, KOSMO -17	
9.	BERHENTI KERJA PILIH JADI PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -30	
10.	50 JENIS ANGGUR SUBUR DI SIMPANG EMPAT, DALAM NEGERI, UM -30	
11.	PENGGUNA GESA SELESAI SEGERA ISU BEKALAN TELUR, DALAM NEGERI, UM -7	
12.	SELANGOR IMPORT TELUR AYAM THAILAND, DALAM NEGERI, UM -7	
13.	APUNGAN HARGA TELUR, DALAM NEGERI, UM -2	
14.	LADANG KENAF SAJIKAN PANORAMA INDAH, UTARA, HAKAKAH -H17	
15.	'MATURE LOBSTER MIGRATE FROM DIRTY FEEDING GROUNDS', NEWS, THE STAR -3	
16.	DEPARTMENT HOPES TO RAISE LOBSTER PRODUCTION TO 400 TONNES IN 10 YEARS, NEWS, THE STAR -3	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga bahan mentah naik 30 peratus

Johor Bahru: Bekalan hasil laut yang berkurangan sebanyak 50 peratus berikutan musim tengkujuh menyebabkan harga bahan mentah di bandar raya ini meningkat sehingga 30 peratus.

Tinjauan di pasar basah di Tampoi, di sini, mendapati ikan dan hasil laut yang dijual peniaga amat berkurangan, malah kebanyakan lot niaga menjual produk laut sejuk beku termasuk yang diimport.

Peniaga hasil laut yang mahu dikenali sebagai Aman, berkata bekalan hasil laut terutama ikan berkurangan 50 peratus menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, antara ikan kesukaan ramai yang tiada bekalan termasuk kembung, selayang, lolong dan selar hijau.

"Sekarang bekalan ikan tempatan tiada, terutama kembung walaupun orang ramai cari. Sejak awal bulan lalu, penjual lebih banyak menjual bekalan ikan sejuk beku yang diimport.

"Ikan kembung yang dijual ketika ini adalah ikan sejuk beku dari luar negara yang dijual RM15 sekilogram (kg). Kalau ada kembung tempatan harganya akan jadi lebih mahal iaitu antara RM18 hingga RM22kg.

"Harga udang pun memang tidak turun dan kini dijual antara RM30 hingga RM38kg mengikut saiz, manakala sotong dijual antara RM22 hingga RM30kg.

"Ikan selar hijau pula naik kepada RM22kg, berbanding RM16 sebelum ini," katanya ketika ditemui semalam.

Media bulan lalu melaporkan, bekalan ikan di seluruh negara bakal berkurangan sehingga 50 peratus susulan musim tengkujuh, sekali gus menyebabkan harga hasil laut itu naik sehingga dua kali ganda.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, dilaporkan berkata bagi mengatasi masalah itu LKIM akan terus menyediakan ikan sejuk beku untuk membantu rakyat.

Katanya, kekurangan stok bekalan ikan akan ditampung dengan ikan sejuk beku, ikan air tawar serta ikan import.

Dalam pada itu, pengguna ditemui memilih untuk terus membeli ikan walaupun berlaku kenaikan harga.

Nor Azura Md Amin, 36, berkata kenaikan harga ikan dan hasil laut walaupun membebankan tetapi ia adalah keperluan untuk hidangan keluarga.

"Harga ikan termasuk kembung, selar kuning dan cencaru memang naik, namun saya pilih beli ikan yang murah berikutan harganya masih dapat ditawar, apatah lagi harganya juga bergantung pada saiz ikan.

"Kalau tak beli ikan, takkan pengguna nak makan ayam setiap hari. Harga ayam pun boleh tahan mahal," katanya.

Atasi segera isu kekurangan bekalan

Usaha pastikan jaminan makanan tidak terjejas, selesai masalah kenaikan harga

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu menangani segera isu kekurangan bekalan dan kenaikan harga makanan dalam pasaran tempatan bagi memastikan jaminan makanan untuk seluruh rakyat tidak terjejas.

Felo penyelidik kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Dr Shankaran Nambiar, berkata sekiranya harga jualan dalam pasaran tempatan terlalu rendah, pengeluar akan mengurangkan pengeluaran mereka atau mungkin mendapati ia lebih menguntungkan untuk menghasilkannya untuk eksport.

"Kedua-dua tindakan ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan dalam pasaran tempatan, selain akan ada peniaga yang akan membeli produk itu di pas-

aran tempatan (di mana terdapat kawalan harga) serta menjualnya ke luar negara pada harga lebih tinggi dan masalah penyeludupan mula berleluasa," katanya.

Beliau berkata, isu bekalan dan harga barangan adalah masalah yang sukar bagi kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh membenarkan harga ditetapkan oleh pasaran kerana ia di luar jangkauan rakyat.

"Apa yang kerajaan patut lakukan ialah menggalakkan lebih banyak pengeluaran sayur-sayuran, ayam, telur di kampung oleh rakyat. Hasil tanaman dan ternakan ini boleh dikutip oleh koperasi dan kemudian dijual semula di pasaran tempatan.

"Sebagai contoh, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada penternak ayam berskala besar untuk bekalan telur kita, adalah menghairankan apabila negara adalah pengeluar minyak sawit global, namun harga minyak masak tetap meningkat. Kita perlu menyasat bagaimana perkara ini berlaku," katanya.

Beliau juga bersetuju dengan kenyataan Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng yang sebelum ini meminta kerajaan supaya menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ke-

tinggalan zaman.

Chee Meng dilaporkan berkata, tindakan mengawal harga barang itu menyebabkan barangan kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam paket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran.

Nambiar berkata, apabila harga dikawal akan berlaku herotan atau gangguan dalam pasaran.

"Usahawan dan syarikat besar kemudiannya akan mengambil tindakan yang akan menjadikan kawalan harga oleh kerajaan tidak berkesan," katanya.

Bukan isu tidak terkawal

Sementara itu, Pensyarah Keusahawanan Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Abd Rahman Jaafar, berkata isu itu bukanlah tidak terkawal tetapi ia tidak dikawal.

"Ada kebaikan dan keburukan mengawal harga barangan. Untuk barangan bukan keperluan tiada masalah, harga ikut permintaan dan bekalan. Tetapi untuk barang keperluan perlu ada mekanisme kawalan yang munasabah.

"Apa pun mekanisme yang digunakan, kerajaan harus memastikan pihak peniaga dan pengeluar tidak rugi atau kerajaan perlu tanggung subsidi. Begitu juga pemantauan rapi terhadap harga barangan keperluan tetap perlu

ditutup," katanya. Beliau juga berpendapat, terdapat beberapa faktor menjadi punca harga barangan tidak terkawal antaranya kartel yang mengawal harga, barangan perlu diimport, nilai mata wang negara yang menurun serta faktor luaran dan luar kawalan seperti bencana alam, cuaca, geopolitik seperti perang di negara pengeluar.

"Pengeluar sememangnya akan mengejar keuntungan paling maksima, tetapi peranan kerajaan adalah untuk mengimbangi harga pasaran dengan keperluan rakyat.

"Cara terbaik untuk mengimbangi kedua ini dengan meningkatkan kuasa beli rakyat melebihi kadar inflasi," katanya.

ditutup," katanya.

Beliau juga berpendapat, terdapat beberapa faktor menjadi punca harga barangan tidak terkawal antaranya kartel yang mengawal harga, barangan perlu diimport, nilai mata wang negara yang menurun serta faktor luaran dan luar kawalan seperti bencana alam, cuaca, geopolitik seperti perang di negara pengeluar.

"Pengeluar sememangnya akan mengejar keuntungan paling maksima, tetapi peranan kerajaan adalah untuk mengimbangi harga pasaran dengan keperluan rakyat.

"Cara terbaik untuk mengimbangi kedua ini dengan meningkatkan kuasa beli rakyat melebihi kadar inflasi," katanya.



Shankaran Nambiar, Felo penyelidik kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

'Terpaksa hadkan pembelian telur ayam'

Kota Bharu: Bekalan telur ayam di sekitar daerah ini didakwa berkurangan hampir 50 peratus sejak akhir tahun lalu dengan kebanyakan peniaga mengehendkan pembelian kepada pelanggan bagi memastikan bekalan sentiasa ada di pasaran.

Perkara itu diakui pemborong Zaki Jaya Trading, Mohd Zafran Akmal Mohd Zaki, 23, berdasarkan senario membabitkan bekalan telur ayam yang sampai di kedai milik ayahnya, Mohd Zaki Abdullah Zawawi, 51.

Sebelum ini, katanya, stok telur ayam yang sampai dengan lori dari Melaka kira-kira 12,000 papan atau 360,000 biji, namun sejak beberapa bulan ini stok yang sampai hanya sekitar 6,800 papan yang dihantar dengan dua lori.

"Walaupun stok berkurangan, kita tetap menjual telur ayam di bawah harga kawalan ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui semalam.

Berdasarkan tinjauan di kedai pemborong sekitar Jalan Kuala Krai, di sini, kebanyakan stok telur yang diterima habis dalam tempoh dua hari saja selepas di-



Pekerja mengangkat stok telur untuk dihantar kepada peniaga kedai runcit ketika tinjauan di pusat pemborong di Jalan Kuala Krai, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

hantar kepada peruncit, malah kebanyakan pelanggan melakukan pembelian secara runcit.

Telur ayam juga dijual di bawah harga kawalan iaitu masing-masing RM13.50 bagi gred A, RM12.90 gred B dan RM12.30 gred C.

Had pembelian telur ayam

Pekerja Zaki Jaya Trading, Rosmina Abd Razak, 47, berkata bagi memastikan pelanggan mendapat bekalan, pihaknya memastikan agihan kepada kedai runcit berdasarkan stok yang

dihadkan, manakala untuk jualan runcit hanya satu papan dibenarkan untuk setiap pembelian.

"Kita mahu pastikan semua pelanggan mendapat telur ayam kerana tahu pada masa ini agak sukar untuk mendapatkan bekalan memandangkan stok agak berkurangan dengan begitu banyak," katanya.

Pengguna, Mahadi Kadir, mengakui bekalan telur ayam berkurangan menyebabkannya sukar untuk mendapatkan bahan mentah itu.

Katanya, sebagai peniaga dia memerlukan 10 papan telur sehari bagi memenuhi permintaan pelanggan, namun agak sukar untuk mendapatkan bekalan itu.

"Saya terpaksa membeli telur di beberapa kedai untuk memenuhi permintaan itu kerana kebanyakan kedai mengehendkan pembelian dengan paling banyak pun dua papan saja.

"Saya harap kerajaan dapat terus membuat pemantauan dan menyelesaikan masalah ini, sekali gus dapat menstabilkan harga telur ayam," katanya.

Antara telur, ayam dan babi

DALAM keadaan ke-sukaran mendapat telur untuk dimakan, begitu juga dengan kenaikan harga semua barangan asas, seperti ayam, bawang dan sebagainya, tiba-tiba kita dikejutkan dengan keputusan untuk stabilkan harga babi, dengan membawanya ke Kabinet.

Begitulah besarnya kuasa babi, sehingga dibincangkan di Kabinet. Walhal berapalah sangat pemakan babi, berbanding dengan pemakan ayam, daging lembu dan sebagainya.

Kenapa suara babi begitu ditakuti dalam sebuah negara Islam, sedangkan kita masih bertarung dengan ketiadaan telur, kenaikan

harga telur dan ayam.

Teramat malang lagi, bila mendengar jawapan untuk stabilkan harga telur dan ayam, jangan makan telur dan ayam. Inilah nasib Melayu di bumi Melayu.

Makanan asasinya tidak terdarjat, makanan yang haram terangkat darjatnya, hanya kerana ultra kiasu.

Kita sedia maklum, ultra kiasu inilah juga yang mengangkat pemimpin hari ini sehingga berkuasa, tetapi berpada-pada dalam soal menjaga kepentingan mereka.

Selama ini, kita sudah menjaga mereka, ibarat menatang minyak yang penuh.

Masih ingat lagi ar-

tikel saya sebelum ini, babi eksport, lembu import. Negara ini tidak terkenal sebagai pengeksport lembu yang menjadi makanan majoriti, tetapi terkenal dengan pengeksport babi yang menjadi makanan minoriti.

Inilah yang telah saya bangkitkan selama ini, Melayu menjadi minoriti dalam majoriti.

Ini belum bercakap lagi soal pendidikan, kita begitu beriya-iyanya untuk mengubah sistem pendidikan Islam, seperti SRITI, tetapi pendidikan vernakular langsung tidak disentuh.

- PROF DR MOHD

RIDHUAN TEE

ABDULLAH

Pertanian satu perniagaan



Oleh: **USTAZAH
DR ASIAH ALI**
Pengarah
ILHAM PAS
Pusat/ AJK LITPP

PERTANIAN merupakan tulang asas kepada kehidupan manusia baik dari segi sumber makanan, wangian dan ekonomi. Slogan pertanian adalah perniagaan sememangnya ada kebenarannya. Situasi yang membolehkan aktiviti pertanian itu menjadi satu perniagaan boleh terjadi apabila pengeluaran hasil pertanian pekebun atau peniaga ini bukan sahaja telah melebihi keperluan malahan telah dapat memberi keuntungan kepada penguasanya.

Pertanian juga sebagai perniagaan merupakan visi yang sangat popular. Ia bertujuan untuk mentransformasikan Malaysia sebuah Negara pertanian juga sebagai sebuah Negara pertanian.

hat sebagai perniagaan yang memberi impak besar kepada masyarakat dan Negara. Ia juga membantu merapatkan jurang sosial, ekonomi serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

Dengan menceburi bidang pertanian secara tidak langsung akan dapat membantu Negara memenuhi keperluan bahan makanan sekali gus mengelakkan krisis makanan daripada berlaku. Bilangan

penduduk Malaysia dianggarkan meningkat 30.5 juta orang menjelang tahun 2020. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimport dari Negara lain. Kebanyakan bahan makanan asas seperti beras, kopi, koko dan bijirin lain sesuai ditanam di Negara ini.

Pertanian juga dapat dijadikan perniagaan apabila konsep agro pelancongan diterapkan. Agro pelancongan dibangunkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan semantara Kementerian Pelancongan membantu dari aspek promosi. Antara aktiviti dalam Agro Pelancongan adalah lawatan ke dusun buah-buahan, kandang ternakan, penyelidikan, homestay dan sebagainya.



Bidang pertanian perlu diceburi oleh segenap lapisan umur.

bernafas baru dan berinovasi. Kerajaan hendaklah menggalakkan usahawan petani dan pekebun kecil agar dapat mengoptimumkan amalan agroteknologi yang baru dan pengurusan ladang secara moden. Beberapa pameran Pertanian dan Agro Pelancongan (MAHA) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diadakan dua tahun sekali bertujuan untuk mempromosikan produk-produk pertanian yang diusahakan di Malaysia.

Melalui strategi-strategi yang telah disusun oleh kerajaan demi untuk membantu masyarakat tani di Malaysia. Slogan „AgiPertanian Adalah Perniagaan” sudah pasti akan dapat dilaksanakan sekiranya kita sama-sama mencari jalan untuk memperbaiki bidang pertanian dengan cara menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan. Marilah kita berbudi pada tahn.

Strategi kerajaan mempromosikan bidang pertanian

Bagi memulihkan persepsi rakyat terutamanya jenerasi muda terhadap pertanian pelbagai program pertanian yang

Kesimpulan

Melalui strategi-strategi yang telah disusun oleh kerajaan demi untuk membantu masyarakat tani di Malaysia. Slogan „AgiPertanian Adalah Perniagaan” sudah pasti akan dapat dilaksanakan sekiranya kita sama-sama mencari jalan untuk memperbaiki bidang pertanian dengan cara menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan. Marilah kita berbudi pada tahn.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Tanam padi empat kali setahun bukan gila

SAUDARA PENGARANG,

KERAJAAN perpaduan diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mempamerkan usaha berani bagi memperjuangkan nasib pesawah miskin termasuk menyalurkan bantuan dari segi kewangan.

Sebenarnya terdapat beberapa perkara yang perlu diberi keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan pesawah sentiasa terbelas.

Langkah awal diperlukan adalah memastikan agensi yang menguruskan keperluan pesawah dari sudut penyediaan racun, baja dan upah jentera membajak serta menuai hasil diperkemaskan.

Bahan-bahan dibekalkan itu perlu lebih berkualiti selaras dengan peningkatan subsidi yang diberikan bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi negara sekali gus dapat mengurangkan import beras.

Seterusnya bagi memperkasakan industri pertanian khususnya penanaman padi, seharusnya kerajaan membawa masuk teknologi terkini bagi memudahkan aktiviti tanaman padi termasuk menaik taraf sistem saliran supaya ia lebih sistematik dan canggih.

Jika semua ini dilaksanakan, tiada lagi pihak yang akan mengatakan cadangan kerajaan sebelum ini untuk meningkatkan aktiviti penanaman padi kepada empat kali setahun sebagai gila.

Bagi memastikan idea ini menjadi kenyataan, sudah pasti agensi kerajaan berkaitan perlu menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti serta tahan daripada serangan penyakit.

Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan melihat bagaimana negara jiran khususnya Thailand berjaya menghasilkan produk pertanian yang baik sehingga mampu menambahkan hasil pendapatan negara melalui eksport pertanian.

Dalam pada itu, bantuan kecemasan boleh diberikan kepada pesawah yang mengalami kemusnahan padi disebabkan penyakit serta faktor cuaca.

Bantuan sara hidup kepada petani yang terlalu miskin boleh diberikan sama ada melalui pemberian tunai mahupun baucar barangan keperluan bagi memastikan kehidupan mereka sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya daripada kerajaan.

DR. ZURAIMY ALI

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis



AGENSI kerajaan berkaitan perlu menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Bagi memenuhi permintaan tinggi di negeri itu menjelang Ramadan

Selangor import telur ayam Thailand

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**

SHAH ALAM – Selangor akan mengimport telur ayam dari Thailand bagi mengimbangi permintaan rakyat negerinya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri mengambil inisiatif sendiri sementara menunggu usaha yang dilakukan kerajaan Pusat bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan bahan makanan itu di pasaran ketika ini.

"Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) diberi tanggungjawab untuk mengimport telur ayam dari Thailand.

"Daripada segi jumlah dan bila telur ini akan masuk di pasaran negeri, itu saya tak pasti. Itu awak kena tanya PKPS," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Amanat Tahun Baru 2023 di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, semalam.



TELUR ayam import menjadi pilihan kedua bagi rakyat tempatan sejak kemasukannya bulan lalu. — CAMBAR HIASAN

Kosmo/ sebelum ini melapor-kan kekurangan bekalan telur ayam gred A, B dan C di pasaran

negeri itu sehingga mengakibatkan keresahan daripada orang awam.

Dalam pada itu, Amirudin memaklumkan bahawa orang ramai boleh membeli telur gred biasa

dalam program Jualan Ehsan Rakyat (JER) 2.0 yang dijangka bermula 15 Januari ini.

Ujarnya, kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat Selangor yang terpalit dengan peningkatan kos bahan makanan.

"JER diteruskan bagi memastikan rakyat Selangor dapat membeli bahan makanan yang sering dibeli mereka setiap hari dijual dengan harga murah.

"Kita juga jemput Koperasi Hijrah Selangor (KohHijrah) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ke JER 2.0 untuk menjual produk mereka," tegasnya.

Sebelum ini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) membenarkan ke- masukan telur ayam import dari India melalui laluan udara seba- gaifasa percubaan.

Kerajaan menjamin telur ayam yang diimport menepati segala piawaian yang ditetapkan.



MOHD. HISHAM memetik salah satu daripada 50 jenis anggur yang ditanam di tapak semaiannya di Simpang Empat, Alor Setar.

Mohd. Hisham cadang untuk komersialkan tanaman 'Bangga dapat tanam' lebih 50 jenis anggur'

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Bermula hanya sekadar suka-suka, seorang lelaki tidak menyangka dia kini mampu menuai hasil sehingga 50 jenis anggur di tapak semaiannya di Simpang Empat di sini.

Mohd. Hisham Md. Isa, 49, yang mula menanam buah itu sejak hampir setahun lalu berkata, dia pada mulanya hanya menanam beberapa jenis anggur sebagai satu eksperimen.

"Kira-kira 10 bulan lepas saya beli benih dari Indonesia untuk sekadar mencuba. Dari situ saya tambah sedikit demi sedikit dan kini ada lebih 50 jenis anggur yang ditanam termasuk anggur dari Amerika Syarikat, India dan Jepun.

"Buat masa ini saya tanam untuk keluarga dan saudaramara makan dan mungkin boleh

dikomersialkan nanti," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang juga pengusahanya nuri berkata, antara spesies anggur yang terdapat di tapak semaiannya ialah Red Globe, Sunny Dolce, Red Romance, Angelica, Nima Queen dan Carnival.

"Ramai yang menganggap Malaysia tak sesuai untuk tanam anggur, tetapi sebenarnya itu salah kerana Indonesia dan Thailand misalnya sudah menjadi penanam anggur secara komersial.

"Malah, negara Asia sangat sesuai untuk tanam anggur kerana cuaca panas sepanjang tahun tidak seperti di negara Barat yang ada musim sejuk," ujarnya.

Katanya, antara cabaran utama mengusahakan tanaman anggur itu adalah faktor hujan dan serangga seperti burung.

"Kalau hujan berterusan tidak sesuai kerana akan menyebabkan

kan buah jadi tawar. Sebab itu anggur perlu ditanam di rumah hijau.

"Selain itu, buah anggur juga perlu dibalut supaya tidak dimakan burung atau serangga. Itu sahaja kena jaga, sebenarnya tak susah pun," jelasnya.

Ujarnya, apa yang menarik, tanaman itu akan berbuah sepanjang masa selagi pokoknya subur dan tidak mereput.

"Ramai yang seronok datang ke sini apabila dapat tengok pelbagai jenis pokok anggur ini yang mungkin tidak terdapat atau dijual di kedai dan pasar raya.

"Ada yang nak minta beli tapi saya tak jual cuma sedekah sahaja," katanya.

Mohd. Hisham berkata, dia kini menjadi pembekal kepada pelbagai jenis pokok termasuk bunga dan pokok tin yang diusahakan di tapak semaiannya.

Berhenti kerja pilih jadi penternak

Oleh NOOR HAYATI MAMAT
utusannews@mediamula.com.my

MARANG: Minat mendalam terhadap pelbagai spesies burung mendorong seorang pemuda di Kampung Bukit Gasing di sini memilih untuk bergelar penternak unggas sejak lima tahun lalu.

Mujahid Zulkfle, 29, yang sebelum ini pernah menjawat jawatan pengurus sebuah syarikat nekad berhenti kerja untuk berkecimpung secara lebih serius dalam dunia ternakan unggas.

Menurutnya, dia yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah terlebih dahulu berhijrah ke Kuala Lumpur setelah mendapat tawaran pekerjaan di ibu kota itu.

"Mulanya beberapa spesies burung dibela ahli keluarga dan saya cuma membantu jika ada kelapangan. Semakin lama minat makin mendalam sehinggalah akhirnya saya ambil keputusan berhenti kerja dan terus menetap di kampung.

"Buat masa ini saya ternak beberapa spesies unggas seperti burung puyuh, kuang, merpati, sun conure, ketitir bali dan ayam mutiara. Saya turut lakukan biak baka sendiri.

"Harga setiap spesies ber-



MUJAHID Zulkfle menunjukkan antara spesies burung yang diternak di Kampung Bukit Gasing, Marang, Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

beza-beza. Misalnya, burung puyuh telur, mini dan chukar dijual dengan harga serendah RM2 hingga RM1,000 seekor, manakala burung kuang antara RM500 RM1,500 sepasang," katanya ketika ditemui di sini.

Tambah Mujahid, bagi burung spesies sun conure pula dijual dengan harga RM2,000 sepasang dan ada spesies tertentu perlu dapatkan permit daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Katanya, walaupun pendapatan bulanan diperoleh tidak menentu dan adakalanya tidak sampai RM500 sebulan namun dia seronok menjadikan penternakan unggas sebagai kerjayanya.



Buat masa ini saya ternak beberapa spesies unggas seperti burung puyuh, kuang, merpati, sun conure, ketitir bali dan ayam mutiara. Saya turut lakukan biak baka sendiri."

"Walaupun permintaan terhadap unggas tinggi hingga saya sendiri tidak mampu penuhi permintaan, namun tetap ada pasang surutnya.

"Permintaan datang dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak namun ketika ini saya hanya mampu membekalkan unggas kepada pelanggan di Semenanjung.

"Paling tinggi permintaan buat masa ini adalah spesies burung kuang dan saya berhasrat untuk memternak burung merak pula selepas ini. Ternakan unggas tidak terlalu sukar, cabaran penyakit juga tidak tinggi selain mudah untuk dibiak," jelasnya.

50 jenis anggur subur di Simpang Empat



MOHD. Hisham Md. Isa memetik salah satu daripada 50 spesies anggur yang ditanam di tapak semaiannya di Simpang Empat, Alor Setar. - UTUSAN/JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR: Bermula hanya sekadar suka-suka, seorang lelaki kini menuai hasil apabila 50 jenis anggur yang ditanam di tapak semaiannya di Simpang Empat dekat sini mengeluarkan buah.

Mohd. Hisham Md. Isa, 49, yang mula menanam pelbagai jenis anggur itu sejak hampir setahun lalu memberitahu, pada awalnya dia hanya menanam beberapa jenis anggur sebagai eksperimen.

"Kira-kira 10 bulan lepas, saya beli benihnya dari Indonesia untuk cuba dan menjadi. Dari situ saya tambah sikit-sikit sampai sekarang ada lebih 50 jenis anggur saya tanam di sini termasuk dari Amerika Syarikat, India dan Jepun.

"Saya tanam untuk sukanya sahaja bukan jual, ini untuk keluarga dan saudara merasa. Tengok mungkin masa ke depan saya akan komersial-

kan," katanya ketika ditemui di premis tapak semaiannya semalam.

Mohd. Hisham yang juga pengusaha nurseri berkata, antara spesies anggur yang terdapat di situ adalah Red Globe, Sunny Dolce, Red Romance, Angelica, Nina Queen dan Carnival.

"Banyak yang menganggap Malaysia tak sesuai untuk tanam anggur tetapi sebenarnya itu salah kerana Indonesia dan Thailand misalnya sudah menjadi negara pengusaha tanaman anggur secara komersial.

"Malah negara Asia ini sesuai sangat untuk tanam anggur kerana cuaca panas sepanjang tahun tidak seperti di negara Barat yang ada musim sejuk," katanya.

Jelas Mohd. Hisham, antara cabaran utama mengusahakan tanaman anggur itu adalah faktor hujan dan serangan serangga termasuk burung.

"Kalau hujan berterusan tak sesuai akan sebabkan buah jadi tawar sebab itu anggur perlu ditanam di rumah hijau. Selain itu kena balut buahnya supaya tidak dimakan burung atau serangga. Itu sahaja kena jaga, sebenarnya tak susah pun," katanya.

Mohd. Hisham memberitahu, apa yang menarik tanaman itu akan berbuah sepanjang masa selagi pokoknya subur dan tidak mereput.

"Ramai pelanggan yang datang ke sini seronok bila tengok pokok anggur ini bermacam jenis dan bentuk malah yang tak ada dijual di kedai atau pasar raya pun. Ada yang nak minta beli tapi saya tak jual cuma sedekah sahaja," katanya.

Pada masa yang sama, Mohd. Hisham turut menjadi pembekal pelbagai jenis pokok termasuk bunga dan pokok tin di tapak semaiannya itu.

12/1/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

7

Pengguna gesa selesai segera isu bekalan telur

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Pengguna di negeri ini mendedahkan mereka terpaksa 'tawaf' kedai runcit se-mata-mata mahu mendapatkan bekalan telur untuk kegunaan harian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang suri rumah, Mizema Ab. Rahman, 64, mengakui meskipun 'penat' namun itu pilihan yang ada kerana kebanyakkan kedai runcit berdepan dengan kekurangan stok bahan mentah tersebut.

"Bukan itu sahaja, pengguna turut berdepan dengan kenaikan harga yang agak ketara berbanding sebelum ini dalam mendapatkan bekalan bahan mentah tersebut.

"Justeru, saya berharap masalah ini dapat diselesaikan segera memandangkan telur adalah keperluan asas yang amat diperlukan oleh rakyat, katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, tinjauan di beberapa kedai runcit dan pemborong di daerah ini mendapati berlaku pengurangan stok telur ayam dan hanya didapati dalam kuantiti yang amat sedikit.

Seorang pekerja kedai runcit, Nurul Ifrah Ab. Hamid, 27, memberitahu, premisnya mendapat bekalan yang sedikit iaitu kurang separuh daripada biasa



NURUL Ifrah Ab. Hamid menyusun bekalan telur ayam yang semakin berkurangan di kedainya di Keterah, Kota Bharu, Kelantan semalam.
-UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

dan kadangkala tiada langsung telur ayam yang dihantar oleh pemborong kepadanya.

Katanya, premisnya sebelum ini pernah terputus bekalan telur dan hanya mendapat bekalan telur jenis omega yang dihantar oleh pemborong dua hari lalu.

"Ketiadaan bekalan telur bukannya sahaja merosakkan peniaga, malah keadaan ini menyebabkan pelanggan merungut ekoran kekurangan bekalan serta harga telur juga turut meningkat ber-

banding sebelum ini.

"Telur jenis omega ini sedikit mahal berbanding telur biasa iaitu boleh memecah sehingga 60 sen sebiji dan kami juga terpaksa menandatangani pembelian memandangkan bekalan amat kurang," ujarnya.

Seorang lagi pekerja kedai runcit, Nur Shahira Seman, 20, berkata, meskipun bekalan telur ayam berkurang namun bekalan minyak masak paket bersubsidi setakat ini masih mencukupi.

Selangor import telur ayam dari Thailand

SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif menyelesaikan isu bekalan telur di negeri ini dengan mengimport telur ayam dari Thailand.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah itu bagi mengimbangi permintaan penduduk di negeri ini terhadap bekalan telur dan menyelesaikan isu kekurangan bahan makanan itu.

"Kerajaan negeri mengambil inisiatif sendiri sementara menunggu usaha oleh Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan runtuhan penduduk terhadap masalah harga mahal dan kekurangan mendapatkan bekalan.

"Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) diberi tanggungjawab untuk mengimport telur ayam dari Thailand," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Amanat Tahun Baru 2023, semalam.

Menurut beliau, dari segi jumlah dan bila telur itu akan dibawa masuk ke pasaran negeri ini, PKPS yang akan menentukannya.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan kurangnya bekalan telur ayam gred A, B dan C di pasaran negeri itu, sehingga mengakibatkan keresahan daripada orang awam.

Bekalan hanya boleh dida-



Langkah itu bertujuan mengimbangi permintaan penduduk di negeri ini."

pati di beberapa pasar raya besar dalam tempoh terhad.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, selain mengimport telur, orang ramai boleh membeli telur gred biasa dalam program Jualan Ehsan Rakyat (JER) 2.0 yang dijangka bermula 15 Januari ini.

"JER diteruskan bagi memastikan rakyat Selangor dapat membeli bahan makanan yang sering dibeli mereka setiap hari dijual dengan harga murah. Kita juga jemput Koperasi Hijrah Selangor dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ke JER 2.0 untuk menjual produk mereka.

"Kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat Selangor yang terkesan dengan peningkatan kos bahan makanan dan kita akan berusaha sebaik mungkin," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Apungkan harga telur

Dari muka 1

“Kemudian, jika kerajaan membantu pengusaha telur tempatan, kami menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Pada masa sama, kami juga membayar cukai malah membantu memelihara keselamatan makanan negara,” kata sumber itu ketika ditemui semalam.

Pada Disember tahun lalu, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Uzir Mahidin berkata, berdasarkan Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 2022 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), didapati purata kos pengeluaran sebiji telur ayam mencatatkan RM0.48 pada bulan tersebut.

Menurut Uzir, sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran telur ayam, harga telur ayam di ladang direkodkan berada di antara julat RM0.50 hingga RM0.58 sebiji.

“Margin keuntungan sebiji telur ayam di peringkat borong dan runcit pula masing-masing mencatatkan RM0.04 dan RM0.02,” kata Uzir lagi.

Untuk rekod, berkuat kuasa 12 Oktober 2022, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga maksimum telur ayam di semenanjung adalah 39 sen di peringkat ladang, 42 sen di peringkat pemborong dan 45 sen di peringkat runcit.

Mengulas perkara itu, sumber industri telur itu berkata, pihaknya kini mengalami kesukaran meneruskan operasi su-



Bila kami menerima subsidi, itulah keuntungan kami. Kalau mahu mengharapkan hasil jualan telur, sebenarnya kami kerugian, memang tak untung langsung jual telur dengan skim kawalan harga sekarang.”

sulan kawalan harga tersebut malah katanya, keuntungan yang diperoleh cuma bergantung kepada pembayaran subsidi telur oleh kerajaan kepada pengusaha ladang.

“Bila kami menerima subsidi, itulah keuntungan kami. Kalau mahu mengharapkan hasil jualan telur, sebenarnya kami kerugian, memang tak untung langsung jual telur dengan skim kawalan harga sekarang.

“Malah, daripada penerimaan wang subsidi, cuma kurang 10 peratus saja yang boleh kami istilahkan sebagai keuntungan,” katanya.

Desakan supaya dimansuhkan skim kawalan harga telur ayam, turut disokong pemilik perusahaan pembekal telur, MIR Pembekal Telur Ayam Kuala Lumpur, Ismail Abdullah, 42.

Menurut Ismail, langkah

memansuhkan skim kawalan harga membantu penternak ayam telur menampung kenaikan kos operasi dan membolehkan mereka bertahan dalam ekosistem penternakan dan penghasilan telur yang serba mencabar ketika ini.

Namun, kata beliau, kerajaan harus peka dan memantau sebarang modus operandi dan konspirasi kartel-kartel dan pihak tertentu dalam industri telur, yang mungkin mahu mengambil kesempatan dengan menaikkan harga bekalan itu ke paras terlalu tinggi sehingga jadi tidak munasabah.

“Saya bersetuju jika dimansuhkan skim kawalan harga telur ayam. Ini supaya penternak boleh menampung kos operasi, sebab harga siling sekarang ini terlalu rendah sampai penternak kerugian.

“Namun, harus memastikan tiada ‘tangan-tangan ghaib’ sama ada di pihak kartel atau pihak ketiga, yang mungkin mengambil kesempatan mengeksploitasi bekalan. Maklumlah, bila tiada yang mengawal harga, takut nanti harganya mencanak sampai tidak masuk akal, nanti pengguna juga yang terkesan,” katanya.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr. Ameer Ali Mydin juga bersetuju dengan cadangan memansuhkan harga kawalan telur ayam.

Menurut beliau, langkah itu wajar dipertimbangkan supaya produk tersebut boleh distabilkan semula bekalannya.

“Apa keperluan kerajaan meletakkan kawalan harga telur, sedangkan bekalan telur tiada di pasaran?” soal Ameer.

Ladang Kenaf indah panorama

Oleh: **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

Padang Besar menyajikan panorama indah dan menarik sekalligus menjadi tarikan terbaru buat para pelancong.

PADANG BESAR: Ladang Kenaf yang terletak di lebuhraya antara Chuping dan

kemudian pernah di nam getah dan terkini ditanam kenaf.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perladangan, Razali Saad berkata, industri ini berupaya menjadi produk

agrotourisme jangka panjang yang dapat menjana ekonomi Perlis khasnya.

“Lawatan ke sini bertujuan meminjau status dan perancangan penanaman kenaf serta menjadikan Ladang Kenaf sebagai Agrotourism jangka panjang,” katanya.

Pihaknya membuat lawatan ke ladang tersebut bagi melihat sendiri perkembangan penanaman Kenaf bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuping, Saad Seman pada Isnin 2 Januari lepas.

Turut hadir bersama beliau ialah Pengarah Lembaga Pertubuhan Perladang Negeri Perlis, Azizul Lebai Ishak.

Pada hari yang sama, beliau juga turut meminjam Pusat Pemrosesan Biji Benih di Beseri.



Razali Saad di kawasan ladang kenaf di Chuping.

> FROM PAGE 1

"But these days, catching large lobsters is getting harder as their numbers have dropped.

"We often find only smaller ones in our trap," he said, adding that some fishermen have resorted to selling young lobsters due to the shortage.

Fisherman Mohd Yazid Jasmin, 41, said the price of lobster was about RM150 per kilogramme now, but they would often control how many were caught in a day.

"Fishermen here are aware of the conservation efforts and they will release lobsters that are too small.

"Once we have our target amount for the day, we will return to shore and sell our catch to restaurants nearby," he said, adding that there was a huge demand from seafood restaurants and hotels in Kota Tinggi.

The lobster season will usually start in December and end in March every year due to the rough water currents in South China Sea, added Mohd Yazid.

Pengerang Fishermen Association board member Razak Nahar, 57, hoped that the government would increase lobster conservation efforts in Kota Tinggi.

"We are not opposing the development, but conservation efforts must also be done so that these two elements can co-exist and create a balanced ecosystem.

"There are also cases of industrial and shipping wastes being dumped

'Mature lobsters migrate from dirty feeding grounds'

into the ocean that has impacted the population of lobsters in these waters, because these crustaceans depend highly on clean water to survive," he said.

Razak said the lobsters' habitat was destroyed when large cargo ships dropped their anchors on coral reefs.

A lobster shop owner in Pengerang, Noorfarahana Seman, 34, said the shop received daily shipments of about 10kg of lobster per day, worth over RM1,000.

"The current market price is around RM150 per kilogramme, but consistent supply is difficult to obtain because fishermen are finding their catch getting smaller.

"They told me that the main reason is due to dirty waters, so the lobsters have moved away from their normal feeding grounds in search of cleaner waters," she said.

In a restaurant, one lobster is priced at about RM16 per 100g (baby lobster) and RM21 per 100g (mature lobster) excluding cooking charges.

The price of grade A lobster is set at RM150 per kilogramme and grade B lobster at RM105 per kilogramme.



Noorfarahana showing a fully matured lobster that can cost about RM150 per kg.



Sahroney said mud spiny lobsters used to be in abundance in the past and they could be found under rocks at the beach.



Norizam became a full-time lobster catcher when its price increased.

THE Fisheries Department wants to increase lobster production to 400 tonnes a year in the next decade through its conservation efforts.

The department's fisheries conservation and protection division senior director Bohari Leng said the department had set up the Lobster Refugia Action Committee in Pengerang, Sedili in Kota Tinggi, and Tanjung Leman in Mersing.

"The last time we recorded 400 tonnes of lobster a year was 20 years ago. Now we can only get about 100 tonnes a year.

"The lobster population is rapidly declining, particularly on Johor's east coast and in the Johor Straits.

"In order to achieve our target, we have introduced the refugia committee, where the fishermen will have to comply with the regulations set by the department when it comes to catching lobster," he said when contacted.

The committee comprises department officers, fishermen and non-governmental organisations.

Bohari said the new regulations required fishermen to release any mud spiny lobsters in their catch that were less than 6cm carapace (shell that covers the head and thorax) each in length.

"Lobsters reach their sexual maturity at a size of 6cm and it takes them three years to reach this. Those that are smaller than 6cm must be released so that the lobsters can breed at least once before being caught.

"Any female lobster carrying eggs must also be released back into the ocean to reproduce.

"This will also ensure the population can recuperate and ensure a sustainable source in the future.

"Although large lobsters can lay up to two million eggs, the number of hatchlings that grow to adulthood is extremely low," he said.

He added that the lobsters' mating period was between August and September.

The catch-and-release approach is being applied throughout the

Department hopes to raise lobster production to 400 tonnes in 10 years



Bohari (second from right) releasing a lobster into the sea near Tanjung Penyusop, Kota Tinggi.



Nur Afifah showing the correct way to measure a baby lobster carapace using a calliper.

east coast of Johor.

The department will also introduce an off-season for lobsters, where trawlers are not allowed to catch lobsters within a designated area near Tanjung Leman from December until the end of February every year, said Bohari.

"The no-catching zone is about 1,400sq km where fishermen are not allowed to catch lobsters. This is to protect the mature lobsters and their habitat.

"The Lobster Refugia Action Committee will also have the authority to set a premium price for lobsters, as these crustaceans are considered a high-end seafood."

He said the mud spiny lobster was the dominant species in peninsular Malaysia.

Johor is selected as the conservation area because the species is widely found in its east coast area, he elaborated.

"The species is found in abundance from the Johor Straits up until Pulau Tioman.

There are reports of lobsters

being found in west coast waters such as Muar, but the numbers are not significant," he said.

Bohari said the main threat to the population was development, so the department had introduced conservation measures to counter the impact and ensure the survival of this marine animal.

"We have a marine park and no-catch areas in Johor, and we hope this will provide enough space for lobsters to take cover, reproduce and grow," he said.

So far, the new regulations, which were implemented starting this year, have been widely accepted by the fishermen.

The department had conducted regular awareness programmes last December before listing them as new regulations under the fishing licence.

"We wanted to spread awareness first and from our surveillance, the fishermen have long practised the catch-and-release method on their own, which is a good sign," said Bohari.

"Once we have managed to

increase the population by a significant amount, we plan to introduce breeding facilities, but this will come later down the road.

"For now, we will continue with our programme of releasing baby lobsters into the ocean," he said, adding that strengthening the stock was department's main agenda.

Sultan Iskandar Marine Park resource management and protection chief Nur Afifah A. Rahman said the public also played an important role in maintaining the species, by refusing to eat baby lobsters.

"There is currently a trend where baby lobsters are offered in seafood restaurants.

"Restaurant owners claim that there is a demand for them because they are cheaper and the stock is easily available.

"This is wrong and can set back all the efforts we have put in," she said, hoping the public would be more aware of the importance of allowing the species to breed and replenish stocks.